

# Bukan Sekadar Sukan ...

Oleh Muhamad Rafiq Abdul Rahman

**B**agaikan pesta! Tanggal 16 Mei 1992 masih segar dalam ingatan penulis. Walaupun hanya "memenuhi" barisan ruang kosong di hadapan televisyen (TV) kerana tidak berkesempatan menyaksikan perlawanan akhir Piala Thomas antara pasukan Malaysia bertemu seteru utamanya, Indonesia, aura dan semangat "Malaysia Boleh" menggarkan tubuh penulis.

Lagu keramat *Fikirkan Boleh* yang dicipta khusus untuk kejohanan tersebut sering kali diputarkan baik di TV mahupun di corong radio. Rakyat Malaysia berteriakan bersama-sama menyanyikan lagu tersebut. "Penangan" Piala Thomas terserap dalam benak jiwa dan fikiran rakyat Malaysia. Ribuan penyokong membanjiri segenap ruang Stadium Negara, ditambah lagi jutaan rakyat Malaysia yang setia memberikan sokongan padu melalui siaran langsung yang dibawa khas oleh sebuah stesen TV tempatan.

Pada masa itu, enjutan *rejaman* yang dilakukan Cheah Soong Kit bukan sahaja memberikan mata kemenangan kepada beregu Soong Kit-So Beng Kiang, malah kemenangan tersebut turut membawa kejayaan yang cukup bernilai kepada seluruh rakyat Malaysia. Jeritan, laungan, tangisan, dan doa mengiringi kejayaan pasukan negara.

Kejayaan ini menandakan berakhirnya penantian selama 25 tahun menawan Piala Thomas yang kali terakhir dimenangi pada 1967. Paling manis kejayaan tersebut direalisasikan dengan mengalahkan juara lapan kali, Indonesia. Sejak itu, bagaikan satu fenomena baharu melanda rakyat di negara ini tidak kira bangsa, baik kanak-kanak mahupun orang dewasa. Mereka memasang impian dan cita-cita yang tinggi untuk menjadi "wira" negara, seperti Rashid Sidek, Razif Sidek, Jailani Sidek, Foo Kok Keong dan Kwan Yok Meng.

Bagi penulis, kejayaan ini tidak mampu diraih tanpa "bantuan" penyokong yang berpayung di bawah bendera Malaysia yang turun



bersama-sama memberikan sokongan padu kepada pemain. Pandangan penulis ini ada asasnya apabila Rexy Manaiyk dalam satu sidang media di Stadium Juara pada 2010 yang juga pada ketika itu bergandingan dengan Ricky Subadja mengakui bahawa salah satu punca kekalahan Indonesia di tangan Malaysia, kerana faktor gerun dengan kehadiran penyokong negara pada masa itu.

"Kekalahan kami bukan kerana tidak kuat, tetapi disebabkan pemain dan penyokong setia Malaysia pada ketika itu bersatu hati. Saya dan rakan-rakan amat gugup serta bulu roma kami naik apabila melihat ribuan penyokong Malaysia memenuhi stadium hingga permainan kami serba tidak menjadi," kata Rexy.

Setelah hampir sekian lama tidak merasai "suasana" pada 1992 tersebut. Penutup tirai 2010 membawa rakyat Malaysia sekali lagi berasa bangga apabila skuad bola sepak negara di bawah bimbingan Datuk K. Rajagobal berjaya menjuarai Piala AFF Suzuki buat julung kalinya.

Bangga kerana Malaysia yang hanya dibarisi pemain muda yang berusia seawal 20-an, tetapi mampu melakar kejayaan yang selama ini dinantikan oleh penyokong bola sepak tempatan. Megah disebabkan pasukan negara berjaya "mengajar" pemain dan penyokong fanatik pasukan lawan, Indonesia di Stadium Bung Karno yang dibanjiri lebih daripada 100 ribu penyokong setianya.

Ketika itu juga, bagai-bagai tsunami melanda negara ini kerana setiap detik, setiap minit, dan setiap masa semua pihak hanya bercerita tentang kejayaan pasukan negara. Yang memberikan impak positif kepada negara adalah kesepakatan dan perpaduan rakyat dengan jelas dizahirkan melalui sokongan padu yang tidak mengenal agama, bangsa mahu pun keturunan - masing masing bersatu hati memakai jersi kebangsaan sebagai tanda sokongan.

Namun, bukan itu fokus yang ingin diperjelaskan, tetapi yang lebih penting dan utama adalah bagaimana sukan menyatukan rakyat yang datang



Sukan bola sepak menjadi landasan terbaik untuk menghentikan isu perkauman.

daripada pelbagai latar belakang dan agama, jiwa yang sedang "berperang", dan fahaman politik yang tidak pernah sehaluan.

Keadaan ini jelas menunjukkan sukan salah satu platform terbaik untuk memupuk semangat perpaduan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Tidak hairanlah Malaysia menjadi negara inspirasi kepada negara Dunia Ketiga, terutamanya anggota Komanwel.

Bagi Naib Presiden Persatuan Parlimen Komanwel (CPA), Samuel John Sitta, suasana di negara ini bertepatan dengan asas penubuhan CPA yang menekankan perpaduan dalam

kaulanan rakyat pelbagai bangsa, kaum dan agama. Jelasnya lagi, kebanyakan anggota Komanwel terutama Afrika yang sentiasa dibelenggu oleh perang saudara, masalah perkauman, dan keganasan yang akhirnya melumpuhkan ekonomi dan negara tersebut.

"Isu seperti ini tidak boleh diselesaikan bersendirian, sebaliknya perlu ada model untuk dijadikan ikutan dan saya percaya Malaysia boleh memainkan peranan membantu rakan Komanwel mengatasi krisis dalam seumpama ini," ujar Samuel semasa berucap di Persidangan Parlimen Komanwel ke-54 pada 2008 di Kuala Lumpur.

Apa-apa pun, persoalannya, benarkah sukan boleh menjadi salah satu alat untuk menyuburkan perpaduan dalam kalangan rakyat mahupun penduduk di seluruh dunia? Adakah pendekatan ini hanya sekadar retorik yang digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak demi meraih publisiti?

**Bukan Sekadar Sukan**  
Mungkin banyak pihak beranggapan bahawa sukan tidak lebih daripada mencari kekuatan dan kelemahan sesebuah negara. Ada pula yang menyimpulkan bahawa sukan sekadar mencipta satu lagi "pertempuran"

manusia dengan manusia kerana masing-masing ingin menonjolkan kemampuan diri dan negara yang sekali gus menyaksikan siapa yang lebih layak dikatakan sebagai "jaguh" dunia.

Penulis merasai sendiri pengalaman semasa Kelayakan Piala Dunia 2014 antara Harimau Malaya dengan seteru utama, Singapura, pada 28 Julai tahun lalu yang berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil. Mungkin banyak pihak yang mengetahui agak mustahil untuk Malaysia melangkah ke peringkat seterusnya kerana pertemuan pertama yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura,

berkesudahan negara tersebut mempunyai kelebihan gol.

"Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan, mungkin itulah pepatah yang sesuai ditujukan kepada pemain dan peminat bola sepak tempatan. Buktinya, bukan 50 orang atau 60 ribu orang yang hadir, tetapi 100 ribu orang penyokong Harimau Malaya membanjiri stadium tersebut demi memberikan sokongan moral terhadap pasukan bimbingan K. Rajagopal itu.

Yang paling membanggakan, jumlah tersebut tercatat sebagai rekod paling banyak penonton yang pernah membanjiri stadium tersebut sejak dibangunkan pada 1998. Penulis turut kagum dengan semangat dan kesungguhan orang Melayu, India, Cina, dan setiap kaum di negara ini kerana bersatu hati menunjukkan semangat cinta akan negara.

Kali ini semua persengketaan yang selama ini dibangkitkan sejak belakangan ini diketepikan sejenak. Segala fahaman politik serta pemikiran yang tidak sehaluan "dilupakan" semata-mata ingin bersama-sama sebagai "pemain ke-12" di stadium tersebut.

Yang paling mengharukan apabila lagu kebangsaan yang menjadi tonggak utama rakyat negara ini sejak 1957 dinyanyikan dengan penuh patriotisme. Semua penyokong tidak kira kera, bangsa, dan agama memakai jersi kuning hitam yang menjadi warna "keramat" pasukan Harimau Malaya.

Daripada yang kecil hingga kepada dewasa, lagu *Negaraku* dilayangkan dengan penuh penghayatan, sehingga ada yang memegang bendera yang tertera di dada jersi sebagai simbolik menyerap rasa cinta akan tanah air. Mungkin bagi penulis rasa cinta dan semangat kebersamaan ini bukan baru dipupuk, tetapi sejak akhir-akhir ini kesepakatan ini semakin "longgar" dek hasutan pihak tertentu.

Bagi Tokoh Sejarah, Profesor Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim, sukan sebagai alat perpaduan dibuktikan

**Skuad Afrika Selatan yang diwakili kedua-dua bangsa ini turut mendapat sokongan padu daripada penyokong kulit putih dan hitam. Mereka bersatu hati dan mengetepikan perbalahan yang berlaku demi memastikan kejayaan kepada pasukan yang diberi julukan *Springboks*.**

selepas Perang Dunia Kedua lagi. Misalnya, pada 1975 sewaktu pasukan hoki kebangsaan mara ke pusingan akhir Piala Dunia yang belangsung di Stadium Merdeka. Ketika itu, skuad kebangsaan mara ke separuh akhir dan bertemu dengan pasukan India.

"Suasana di luar jangkaan apabila lebih 50 ribu orang penyokong Malaysia menyerbu Stadium Merdeka. Jumlah itu tercatat sebagai jumlah kehadiran penonton paling banyak di dunia dalam sejarah hoki," ujar Khoo sewaktu ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Walaupun tidak berjaya melangkah ke peringkat akhir, yang menjadi kejayaan dan kemenangan rakyat Malaysia pada masa itu adalah semangat serta sokongan peminat sukan terhadap pasukan hoki negara yang dibarisi pemain daripada pelbagai agama dan bangsa. Lantaran itu, sukan sememangnya menjadi nadi utama untuk menyatukan kelompok yang selama ini tidak sehaluan.

Menurut Khoo, sejak zaman British lagi, semangat perpaduan ini ditunjukkan dalam sukan, apabila banyak atlet yang mewakili sekolah terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan.

"Sebenarnya, apabila sesebuah sekolah itu memiliki wakil yang terdiri daripada pelbagai bangsa, ia menjadikan sekolah tersebut kuat dan disegani. Hal ini demikian kerana melalui gabungan kekuatan tersebut, bukan sahaja atlet malah penyokongnya juga mampu menaikkan rasa geram kepada pihak lawan," terang Khoo kepada *Dewan Masyarakat*.

Hal yang sama juga boleh dilihat di peringkat dunia apabila banyak persatuan ataupun pertandingan yang belangsung di peringkat dunia menjadikan sukan sebagai "batu loncatan" untuk menerangkan kepada dunia dalam memerangi penindasan

kaum atau bangsa. Lihat sahaja pada 1995, sewaktu pusingan akhir Piala Dunia Ragbi yang diadakan di Afrika Selatan buat julung kalinya.

Ketika itu, sukan tersebut mempunyai misi "serampang dua mata" oleh Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela. Dunia mengetahui pada masa tersebut pergolakan kaum terus berlaku di Afrika ekoran isu apartheid. Bagi Mandela, pelbagai cara

digunakan untuk menyatukan dua bangsa ini, namun masih gagal.

Kesempatan sebagai penganjur sukan utama dunia memberikan ilham kepada Nelson untuk menjadikan sukan sebagai satu platform mengembalikan keamanan kepada rakyat di Afrika tanpa membeza-beza warna kulit. Pada perlawanan akhir yang belangsung di Stadium Ellis Park, Johannesburg, lebih daripada



Kejayaan Mandela menyatukan rakyat Afrika Selatan menerusi sukan membuka mata dunia untuk turut menjadikan sukan sebagai salah satu agen penyelesaian konflik yang berkesan.

60 ribu penyokong hadir memberikan sokongan.

Yang menariknya, skuad Afrika Selatan yang diwakili kedua-dua bangsa turut mendapat sokongan padu daripada penyokong kulit putih dan hitam. Mereka bersatu hati dan mengetepikan perbalahan yang berlaku demi memastikan kejayaan kepada pasukan yang diberikan julukan *Springboks*.

Pada masa itu, dunia melihat suatu kejayaan besar yang diraih oleh Mandela apabila beliau bukan sahaja berjaya membawa kejuaraan buat julung kalinya ke negaranya, tetapi yang paling penting kejayaan tersebut menyatukan rakyat Afrika Selatan.

*BBC Sport* dalam laporannya menyatakan inilah "masa" yang paling "sesuai" bagi rakyat Afrika Selatan meraikan kejayaan tersebut. Sehingga kini, penganjuran tersebut menjadi salah satu lipatan sejarah terulung bagi kejohanan sukan yang berjaya mengeneipkan isu perkauman dan menjadi suri teladan kepada negara lain dalam menyatukan rakyat.

Hari ini, banyak acara sukan yang dipertandingkan baik di peringkat dunia mahupun domestik menggariskan beberapa panduan dan syarat dalam memastikan tiada berlakunya diskriminasi antara kaum. Misalnya Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) yang bersungguh-sungguh ingin membanteras isu perkauman dengan memperkenalkan *FIFA Code of Ethics* edisi 2009.

Kod tersebut jelas menyatakan bahawa peraturan yang mesti dipatuhi pemain, agen mesti, pegawai perlawanan mahupun mereka yang terlibat secara langsung dalam industri bola sepak agar tidak membeza-beza atau menjadikan perkauman sebagai isu. Kesungguhan ini dilihat pada penganjuran pusingan akhir Piala Dunia 2010 yang belangsung di Afrika Selatan, pada Jun tahun lalu. Pemain berdiri di belakang kain rentang yang tertera tulisan

"Katakan Tidak kepada Rasis".

Baru-baru ini, FA Liga Perdana Inggeris mengenakan hukuman kepada penyerang Liverpool yang juga pemain kebangsaan Uruguay, Luis Suarez, kerana kesalahan mengeluarkan kata-kata berunsur perkauman terhadap pemain pertahanan Manchester United, Patrice Evra, pada perlawanan yang belangsung di Anfield pada 15 Oktober tahun lalu. Akibat tindakan tersebut, Suarez menjalani hukuman penggantungan lapan perlawanan dan dikenakan denda sebanyak £40 000 (RM184 000).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa industri sukan berusaha menentang sekeras-kerasnya mana-mana pihak yang cuba membangkitkan isu perkauman. Bagi mereka yang berpandangan jauh, sukan bukan lagi sekadar acara untuk mencari jahu atau juara, sebaliknya setiap bangsa tidak mengira agama mahupun fahaman politik disatukan sebagai sebuah keluarga yang besar.

Persoalannya, adakah kerajaan Malaysia turut berusaha menjadikan sukan sebagai alat perpaduan yang mampu mengekalkan keharmonian di negara ini?


#### **Bersatu Teguh, Bercerai Roboh!**

Menyedari sukan bukan hanya sekadar landasan untuk mengejar kemasyhuran dan kejayaan kepada negara, Kementerian Belia dan Sukan pada 2009 mengambil inisiatif untuk mewujudkan Dasar Sukan Negara 2009 (DSN). Matlamat utama penggubalan DSN adalah untuk mewujudkan budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia yang menyumbang kepada peningkatan jalinan perhubungan rakyat di negara ini.

Sebelum itu, kerajaan menggariskan beberapa dasar kerajaan dalam membentuk perpaduan dan antara lainnya melalui Dasar Pendidikan, Akta Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, dan sukan sebagai alat perpaduan. Dasar sukan sebagai alat perpaduan bertujuan



**"Sekolah rendah, menengah hingga institut pengajian tinggi, menjadi tempat terbaik untuk melahirkan bakat sukan,"**  
Tan Song Wee.



**"Dalam pasukan Hoki Ais Malaysia, kami terdiri daripada pelbagai bangsa. Semasa perlawanan, kami bersatu hati dan matlamat utama kami adalah membawa nama Malaysia menggapai kejayaan,"** Mohd. Reezman Mohd.

**“Jika dilihat daripada pegawai hinggalah kepada pemain, skuad yang saya miliki mempunyai tiga kaum utama di negara ini dan ini menjadi kekuatan dan rahsia besar untuk mereka bermain atas dasar sikap kewarganegaraan yang jitu.”- Ong Kim Swee.**

menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat di negara ini.

Maka, tidak hairanlah bermula pada tahun ini, Kementerian Pelajaran yang diterajui Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin memperkenalkan “satu murid, satu sukan”, untuk memastikan setiap pelajar aktif bersukan, selain memupuk budaya menghormati dan mengenali antara kaum di negara ini.

Dalam pada itu, menurut mantan Pengarah Majlis Sukan Negara, sukan mampu membelah batas kebudayaan yang wujud akibat daripada konteks yang berlaku semasa melakukan aktiviti sukan.

Lantaran itu, adalah bertetapan dengan saranan kerajaan yang ingin memastikan setiap murid menceburi sekurang-kurangnya satu jenis sukan agar matlamat perpaduan antara murid berbilang kaum dan lapisan masyarakat dapat dicapai. Hal ini dibuktikan sendiri melalui perakuan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979.

Walaupun bagaimanapun, jelas Khoo, sejak awal dekad 1990-an penekanan sukan di sekolah semakin berkurangan dan guru yang berminat serta mempunyai “jiwa” terhadap sukan semakin berkurangan. Hal inilah yang menyebabkan kurangnya semangat kekitaan antara kaum. “Walaupun kerajaan mewujudkan dasar baharu, iaitu Satu Murid, Satu Sukan, hal ini tidak dapat dijayakan sekiranya tidak mendapat sokongan padu daripada pihak sekolah dan ibu bapa,” ujar Khoo.

Bagi pemain kebangsaan ke kejohanan Sukan Antara Universiti ASEAN, Tan Song Wee, 26 tahun, beliau mengakui bahawa sukan sebahagian daripada agen perpaduan.

“Sekolah rendah, menengah hingga institut pengajian tinggi, menjadi landasan untuk melahirkan bakat sukan,” jelas Tan kepada penulis.

Terang Tan lagi, dengan keunikan negara ini yang mempunyai rakyat pelbagai bangsa, agama, dan hidup dalam suasana aman dan tenteram, memudahkan lagi untuk merealisasikan hasrat tersebut.

“Pasukan Bola Tampar sendiri dibarisi pemain daripada pelbagai bangsa. Kami tidak pernah rasa kekok untuk memahami budaya masing-masing, malah menjadikannya sebagai peluang untuk mempelajari sesuatu yang baharu,” kata Tan yang juga penuntut akhir Ijazah Sarjana Kewangan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pendapat yang sama turut dilontarkan oleh pemain Hoki Ais Malaysia, Mohd. Reezman Mohd. Isa, 29 tahun. Beliau sendiri merasakan semangat perpaduan bersatu dengan lebih jitu dalam sukan yang diceburinya.

“Dalam pasukan Hoki Ais Malaysia, kami terdiri daripada pelbagai bangsa. Semasa perlawanan, kami bersatu tanpa

membeza-bezakannya dan matlamat utama adalah membawa Malaysia menggapai kejayaan,” terangnya sewaktu dihubungi penulis.

Bagi Reezman, keakraban itu tidak hanya diahirkkan di atas gelanggang sahaja, malah berterusan di luar gelanggang. Perhubungan antara pemain bertambah baik dengan sama-sama memperbaiki kesilapan yang dilakukan semasa perlawanan.

“Sebagai salah seorang peminat pasukan Harimau Malaya, saya cukup berbangga dan terharu kerana tidak kira umur, bangsa dan keturunan keluar beramai-ramai memberikan sokongan sebagai rakyat Malaysia, inilah sebenarnya ‘warna’ rakyat Malaysia,” kata Reezman.

Dalam setiap perlawanan sukan, penyokong menjadi antara faktor penting untuk memberikan sokongan moral demi menaikkan semangat dalam setiap pemain. Tanpa penyokong di belakang pemain, mungkin pemain sukar diraih, apatah lagi dengan segala tekanan semasa berada di gelanggang.

Misalnya, kumpulan Ultras Malaya, yang merupakan kumpulan kuat pasukan Harimau Malaya, dianggap sebagai “pemain ke-12” bagi pasukan bola sepak Malaysia. Mereka tidak jemu-jemu membakar semangat pemain di padang. Selain



ini dilihat sebagai salah satu faktor yang menerapkan perpaduan di kalangan sukan.

Bagi Arif Billah Idris, 27 tahun, yang juga pengendali blog di laman web *ultrasmalaya.net*, menyatakan bahawa sukan sememangnya medium perpaduan di negara ini mahupun di peringkat antarabangsa. Kumpulan Ultras Malaya sendiri turut diterima dan dianggotai semua kaum di negara ini.

“Ultras Malaya berdiri sebagai satu entiti yang menyokong sukan. Malah, perbezaan politik diketepikan dengan menerapkan kecintaan yang melampau terhadap negara,” jelas Arif sewaktu ditemui *Deewan Masyarakat* baru-baru ini.

Semangat kumpulan ini yang dibarisi semua bangsa secara psikologi memberikan satu suntikan semangat yang luar biasa kepada pemain mahupun jurulatih untuk memastikan kemenangan berpihak kepada negara.

Memang benar seperti yang dikatakan oleh Pakar Motivasi, Dr. HM Tuah Iskandar, bahawa perpaduan lebih menyerlah sekiranya sesebuah pasukan atau individu itu mencapai kemenangan. Namun, perlu dilihat juga dari sudut yang positif mengenai kebolehpercayaan serta semangat yang ditunjukkan oleh peminat dalam membantu sebagai “penggempur” rahsia sesebuah pasukan itu.

Hal ini diperakukan sendiri oleh Jurulatih Skuad Olimpik Kebangsaan, Ong Kim Swee yang mengakui bahawa penyokong adalah “harapan” setiap pasukan bola sepak di dunia. Beliau cukup terkejut dengan semangat yang dipamerkan oleh peminat tanah air kepada skuad kendaliannya baik semasa layakan Olimpik mahupun di Sukan SEA di Jakarta, pada tahun lalu.

Ong turut mengulas bahawa dalam pemilihan pemainnya, beliau juga tidak boleh mempunyai sikap pilih “bulu” dalam kesebelasan utama skuad negara. Apa-apa yang diputuskan bergantung pada prestasi sebenar



pemain tanpa sebarang prejudis daripada mana-mana pihak.

"Jika dilihat daripada pegawai hingga kepada pemain, skuad yang saya miliki mempunyai tiga kaum utama dan inilah yang menjadi kekuatan dan rahsia untuk mereka bermain atas dasar sikap kewarganegaraan yang jitu," jelas Ong yang ditemui penulis di Wisma FAM.

Menurut Ong lagi, beliau tidak melihat dengan pelibatan pelbagai kaum, skuadnya mempunyai masalah komunikasi atau budaya kerana mereka saling membantu dan bersatu dalam meningkatkan prestasi di dalam dan di luar padang.

Beliau mengambil contoh semasa mengharungi perlawanan di Sukan SEA apabila terpaksa menerap tekanan 100 ribu orang penyokong Indonesia. Walau bagaimanapun, atas semangat berjuang untuk negara, mereka bersatu hati dan "berperang" untuk mengharumkan nama negara yang akhirnya berjaya membawa pulang "ibu emas" kepada kontinjen negara.

Mengulas mengenai keperluan mewujudkan kod etika pemain agar tidak berlakunya diskriminasi terhadap kaum, bagi Tan hal ini tidak perlu diperbesar kerana situasi di negara ini dengan luar negara adalah berbeza.

"Pelbagai bangsa dan kaum di negara ini masih lagi menanamkan nilai-nilai murni serta menghormati budaya dan agama masing-masing, justeru tidak perlu diwujudkan kod etnik tersebut," terang Ong lagi.

Walaupun begitu, Ong cukup terkejut dengan sambutan peminat bola sepak sejak belakangan ini. Mungkin dahulu agak susah untuk melihat peminat mahupun rakyat di negara ini menyanyur jersi kebangsaan di tempat awam. Fenomena ini berubah sejak skuad kendalian K. Rajagopal berjaya menawan Asia pada 2009.

"Saya agak terkejut apabila berjalan ke kampung, tidak kira bangsa dan keturunan, rakyat di negara ini bangga memakai jersi kebangsaan. Orang Cina juga sudah mula menunjukkan minat terhadap

bola sepak dengan mengajar anak-anak mereka bermain bola sepak. Ternyata melalui sukan, kita berjaya mengubah pandangan dan persepsi manusia, dan kerana sukan juga kita berjaya memupuk rasa kasih dan cinta akan negara walau berbeza dari segi luaran dan dalaman," tegas Tan mengakhiri perbualan.

Terbukti bahawa sukan merupakan alat yang merapatkan kembali jurang antara kaum. Perbezaan ideologi fahaman politik juga dapat diketepikan melalui sukan seperti yang dapat dilihat pada hari ini. Yang utama setiap kali perpaduan yang terjalin erat dalam kalangan rakyat di negara ini, setiap kali jugalah akan ada "tangan-tangan" kotor yang cuba memporak perandakannya.

Janganlah jadi seperti luncai yang terjun dengan labu-labunya. Jangan dirobekkan perpaduan yang dibina. Bak kata golongan bijak pandai, cukup senang memetik buah yang manis, tetapi begitu susah untuk menanam, menyemai, membaja, dan menjaga kualiti pokok tersebut. [RM](#)